

NO. SOALAN: 76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 19 JUN 2014

RUJUKAN : 6922

SOALAN:

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah prestasi dan pencapaian OPS CANTAS satu demi satu serta jumlah kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk melaksanakan operasi ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak pihak polis melancarkan Ops Cantas Khas bermula pada 17 Ogos 2013 bagi menggempur kumpulan-kumpulan yang terlibat dalam aktiviti kongsi gelap dan gangsterisme di seluruh negara sehingga ke hari ini, ianya telah menunjukkan hasil yang positif di mana aktiviti kongsi gelap dan kegiatan gangsterisme telah dapat dibendung dan dikawal penglibatan kumpulan-kumpulan ini dalam aktiviti jenayah di seluruh negara.

Secara keseluruhannya sepanjang Ops Cantas dijalankan sehingga 28 Mei 2014 yang lalu seramai 77,654 orang telah ditangkap. Dalam tempoh yang sama juga, sebanyak 37,035 kertas siasatan telah dibuka atas pelbagai kesalahan sepanjang operasi ini dijalankan, daripada jumlah tersebut sebanyak 7,223 kes telah dituduh di Mahkamah, 28,050 kes masih lagi dalam siasatan dan 1,948 kes tiada tindakan diambil.

Kajian oleh Frost & Sullivan sebuah badan bebas yang dijalankan pada bulan Julai, September dan Oktober 2013 berdasarkan persepsi masyarakat terhadap indeks keselamatan dan kepuasan terhadap perkhidmatan PDRM telah menunjukkan impak yang positif. Kajian persepsi masyarakat terhadap indeks keselamatan (penilaian rasa takut menjadi mangsa jenayah) pada bulan Oktober 2013 adalah sebanyak 38% berbanding 57%

pada tempoh yang sama tahun 2012, menurun sebanyak 19%. Penurunan ini menunjukkan tanda-tanda positif sokongan dan kerjasama dari masyarakat setempat secara berterusan terhadap usaha-usaha PDRM dalam aktiviti pencegahan jenayah.

Secara perbandingannya, setelah Ops Cantas khas dilaksanakan ianya telah dapat mengurangkan kes jenayah yang berprofil tinggi seperti bunuh, samun bersenjata api dan tanpa bersenjata api seperti berikut:-

| | 07/12/2012 – 16/08/2013 (285 Hari) | 17/08/2013 – 28/05/2014 (285 Hari) | Perbezaan | % |
|-------------------------------|---|---|-----------|--------|
| JENIS JENAYAH | | | | |
| BUNUH | 504 | 433 | -71 | -14.09 |
| ROGOL | 2,068 | 1,984 | -84 | -4.06 |
| SAMUN BERKAWAN BERS/API | 83 | 54 | -29 | -34.94 |
| SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API | 13,533 | 12,048 | -1,093 | -9.84 |
| PEMERASAN | 948 | 1,042 | 94 | 9.92 |
| SAMUN BERSENJATAPI | 20 | 14 | -6 | -30.00 |
| SAMUN TANPA BERSENJATAPI | 2,724 | 2,761 | 37 | 1.36 |
| MENCEDERAKAN | 4,645 | 4,168 | -477 | -10.27 |
| CABUL KEHORMATAN | 1,361 | 1,271 | -90 | -6.61 |
| MERUSUH | 1,498 | 1,232 | -266 | -17.76 |
| UGUTAN JENAYAH | 4,969 | 5,196 | 227 | 4.57 |
| JUMLAH | 32,353 | 30,203 | -2,150 | -6.65 |

Bagi melaksanakan Op Cantas ini, tiada peruntukan tambahan yang ditanggung oleh pihak Kerajaan, kos operasi adalah menggunakan peruntukan semasa Polis Diraja Malaysia (PDRM). Pihak Kementerian mempercayai dengan langkah yang diambil melalui Op Cantas ini dan juga dengan penubuhan Jabatan baru iaitu Jabatan Pencegahan dan Pembenterasan Jenayah (JPPJ) dalam pasukan polis, masalah jenayah dalam negara untuk masa yang mendatang dapat ditangani dengan lebih holistik dengan mengembeling keseluruhan jentera dalam pasukan polis dan meningkatkan lagi penglibatan masyarakat setempat untuk bersama membantu pihak polis dalam membanteras jenayah. Anggaplah masalah jenayah sebagai agenda nasional yang memerlukan komitmen semua pihak bukan diletakkan sepenuhnya di bahu pihak penguatkuasaan semata-mata.